

# ADAT YANG DIADATKAN

SIRI KELIMA

**YANG** dikatakan 'adat yang diadatkan' adalah sesuatu yang telah dibiasakan sebagai resam bagi masyarakat dalam adat Perpatih. Walaupun ia tidak menyamai dan menyerupai seperti 'adat yang sebenar adat' tetapi ia dapat dianggap sebagai sesuatu peraturan yang harus dipatuhi. Begitu juga dengan 'adat yang teradat' tidak begitu jauh perbezaannya dengan 'adat yang diadatkan' itu. Sebagai contoh, dalam pembahagian harta pesaka dan juga pesaka warisan untuk memegang jawatan datuk lembaga, penghulu atau buapak.

Dalam satu suku atau waris katakanlah waris tanah datar ia mengandungi beberapa buah kampung - kampung kecil. Kalau kampung - kampung dalam satu suku itu berjauhan letaknya maka biasanya tiap - tiap kampung dalam suku yang sama hendaklah melantik buapak masing - masing bagi mentadbir anak - anak buahnya, tetapi datuk lembaganya pula hanya seorang saja.

Misalnya katakanlah suku tanah datar ada empat buah kampung maka buapaknya hendaklah 4 orang, tetapi datuk lembaganya hanya seorang saja yang meliputi empat buah kampung tadi. Ertinya datuk lembaga inilah yang



Oleh  
**A. Samad Idris**

memerintah suku - suku tanah datar yang mengandungi empat buah kampung dan empat orang buapak - buapaknya itu.

Biasanya perlantikan datuk lembaga ini pula adalah digilir - gilirkan di antara empat suku

tadi yang dipanggil perut. Perlantikannya dibuat oleh empat orang buapak yang telah dipilih oleh anak - anak buahnya masing - masing begitu juga dalam pembahagian tanah pesaka dan lain - lain harta seumpama binatang ternakan dan lain - lain. Maka segala perlakuan dan peraturan yang dijalankan itu mestilah mengikut garis panduan adat yang disebut 'adat tertentu bilang teratur' adat datar pesaka satu' dan itulah yang dikatakan 'adat yang diadatkan' atau 'adat yang teradat' itu. Banyak lagi contoh - contoh yang lain tetapi dari contoh di atas memadailah untuk pengetahuan sementara ini.

Di Negeri Sembilan ada 12 suku semuanya. Seperti yang saya sebutkan tadi, Suku Tanah Datar, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Seri Lemak Minangkabau, Seri Lemak Pahang, Mungkal, Tiga Batu, Seri Melenggang, Anak Melaka, Anak Aceh, Tiga Nenek dan Biduanda.

Datuk - datuk penghulu luak adalah ketua yang tertinggi sekali dalam luak masing - masing manakala di bawahnya pula barulah datuk - datuk lembaga yang memerintah suku - suku yang tersebut. Buapak yang dipilih adalah

menguasai anak - anak buahnya.

Oleh kerana suku - suku atau kampung sekarang sudah meluas, anak - anak buahnya ramai dan berjauhan pula, maka datuk lembaga ini tidak lagi memadai seorang dari satu suku, mereka telah dilantik beberapa orang tambahan lagi. Manakala suku biduanda pula adalah suku asal dan terkhhusus menerima pesaka datuk undang, suku - suku lain tidak berhak memegang pesaka undang.

Kalau dahulu Undang dipanggil 'penghulu' yang memerintah luak tetapi setelah British masuk mencampuri hal ehwal negeri dan berlaku pula beberapa pertikaian sesama sendiri maka beberapa perubahan telah terjadi. Empat luak iaitu Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau, gelaran penghulu ditukar dengan gelaran 'undang'. Pepatah 'Alam beraja, luak berpenghulu, suku berlembaga, anak buah beribu bapa' adalah penentuan pembahagian kawasan penjagaan dan kuasa masing - masing samalah keadaannya dengan pemerintahan mana - mana negara di dunia ini sekarang, seperti negara kita juga dengan peranan ketua kampung, penghulu mukim, pegawai daerah dan seterusnya Menteri - Menteri Besar dan raja.